

Menang PRK Kuala Kubu Bharu pacu kerjasama Kerajaan Perpaduan

- Peningkatan sokongan boleh diberikan kredit kepada jentera, terutama MIC selain PKR dan parti rakan BN serta PH lain bagi memenangkan calon mereka

- Apa yang menarik boleh ditinjau sepanjang PRK Kuala Kubu Bharu ini adalah wujud kerjasama sangat erat dalam kalangan jentera Kerajaan Perpaduan, terutama PH dan BN



Profesor Politik dan Hubungan Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia (UUM)

Oleh Prof Dr Mohd Azizuddin Mohd Sani
bhrencana@bh.com.my

Peratusan pengundi Melayu menyokong calon Pakatan Harapan (PH) meningkat kepada 42.7 peratus dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Kuala Kubu Bharu, berbanding 39 peratus pada Pilihan Raya Negeri (PRN) menunjukkan sokongan baik segmen berkenaan.

Malah enam daripada lapan Pusat Daerah Mengundi (PDM) yang majoritinya pengundi Melayu dimenangi PH berbanding kalah pada semua PDM pada PRN lalu, sekali gus memberikan kemenangan kepada Pang Sock Tao yang memperoleh 14,000 undi dengan majoriti 3,869 undi menewaskan pencabar terdekat daripada Perikatan Nasional (PN), Khairul Azhari Saut (10,131 undi).

Pengundi awal daripada kalangan tentera dan polis yang rata-ratanya pengundi Melayu juga dimenangi PH. Ini jelas menunjukkan kempen berkesan UMNO berserta PKR dan Parti Amanah Negara (AMANAH) untuk menarik sokongan pengundi Melayu menyokong calon PH diwakili DAP.

Walaupun ada sentimen pengundi Melayu untuk lebih menyokong calon berbangsa Melayu, masih ramai menerima Kerajaan Perpaduan dan menyatakan sokongan kepada calon PH.

Yang menarik dalam pemerhatian saya sepanjang PRK Kuala Kubu Bharu ini, jentera UMNO berkempen dengan sangat hebat sekali, terutama menarik sokongan ahli parti itu kepada calon PH dan ternyata berjaya.

Hasil kajian saya juga mendapati pengundi Melayu berusia 31 tahun dan ke atas jelas memberikan sokongan kepada Kerajaan Perpaduan. Ini

ada kaitan dengan pengumuman kenaikan gaji kakitangan awam dan insentif pembangunan ekonomi serta peningkatan keperluan asas berte-rusan di Kuala Kubu Bharu.

Di samping itu, peratusan sokongan pengundi Cina juga meningkat kepada 88.4 peratus pada PRK ini berbanding 85.3 peratus (PRN). Walaupun MCA tidak berkempen untuk calon PH, masyarakat Cina terus memberikan sokongan tidak berbelah bahagi kepada calon PH.

Berlaku juga peningkatan kepada peratusan pengundi India menyokong calon PH daripada 60 peratus pada PRN kepada 70.2 peratus pada PRK ini. Pandangan menyatakan berlakunya sabotaj pengundi India tidak menjadi realiti.

Malah peningkatan sokongan ini boleh diberikan kredit kepada jentera, terutama MIC selain PKR dan parti rakan BN serta PH yang lain bagi memenangkan calon mereka. Undi campuran dalam kalangan Orang Asli juga meningkat kepada 63.1 peratus berbanding 60.1 peratus (PRN).

Apa yang menarik boleh ditinjau sepanjang PRK ini adalah wujud kerjasama sangat erat dalam kalangan jentera Kerajaan Perpaduan, terutama PH dan BN. Meskipun BN tidak bertanding, jenteranya bergerak untuk memenangkan calon PH.

Paling saya teruja adalah melihat kerjasama antara jentera UMNO dengan DAP yang sangat akrab dan bersungguh-sungguh memenangkan Sock Tao. Ini boleh dicontohi meskipun agak kekok pada awal PRK diadakan.

Kempen rumah ke rumah sangat efektif di Kuala Kubu Bharu dilaksanakan secara bersama. Kehadiran ramai pemimpin nasional negara berkempen merancakkan lagi suasana kempen.

Jadi adalah tidak benar sekiranya mengatakan penyokong dan ahli UMNO masih kekok menerima atau memberi undi kepada calon PH, terutama



sekali daripada DAP.

Sudah ada yang melihat kerjasama antara BN dengan PH ini menjadi asas kepada kekuatan Kerajaan Perpaduan. Namun, jelas corak pengundi di sini khususnya dalam kalangan masyarakat Melayu masih berasaskan kaum. Ini menyebabkan masih ada pengundi Melayu memilih calon PN kerana beliau berbangsa Melayu.

Melihat kepada kempen, saya juga dapati calon PH mempunyai daya tarikan. Beliau muda, berpendidikan tinggi dan mudah didekati. Ada pengundi muda memberikan sokongan kepada beliau kerana faktor diri calon.

Namun, pengundi muda Melayu bawah 30 tahun masih menunjukkan sentimen memberikan sokongan kepada calon PN kerana beliau berbangsa Melayu meskipun ada kritikan terhadap beliau dari segi kelayakan akademik dan kemampuan ekonomi untuk beliau memimpin kawasan.

Pertembungan kempen di media sosial

Seperkara yang menarik ialah pertembungan kempen sangatlah hebat di ruang media sosial. Meskipun ramai bertembung, mereka bukanlah pengundi Kuala Kubu Bharu, namun suasana perdebatan tersebut menjadi sangat rancak.

Kali ini media sosial dilihat lebih dikuasai pengendali media sosial pro-PH. Mereka banyak menyerang pengendali Pro-PN yang kali ini lebih defensif berbanding ketika PRN lalu yang sangat agresif dan menyerang.

Di sini juga jelas keakraban ditonjolkan pengendali media sosial BN dan PH saling bekerjasama untuk memenangkan calon PH, sekali gus menguasai ruang maya.

Yang menarik juga dilihat ialah penggunaan radio penting untuk berkempen bagi memenangkan calon PH. Memandangkan Kuala Kubu Baharu berada di kawasan Hulu Selangor yakni kawasan luar bandar, penduduk di sini mendengar radio lebih kerap berbanding penduduk kawasan lain.

Jadi radio digunakan sebagai ruang kempen. Misalnya Ahli Majlis Kerja Tertinggi (MKT) yang juga Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Ahmad Maslan menggunakan saluran radio untuk mendekati pengundi di Kuala Kubu Bharu.

Kemenangan Sock Tao dilihat jelas menunjukkan penerimaan umum penduduk Kuala Kubu Bharu terhadap Kerajaan Perpaduan, terutama kerjasama antara rakan komponen kepada PH dan BN untuk memenangkan calon.

Ini juga menjelaskan di kawasan pengundi bercampur, PN akan sukar untuk menembusi atau memperoleh kemenangan dengan hanya membawa isu sentimen kaum tanpa mengemukakan agenda lebih besar seperti dasar alternatif kepada Kerajaan Perpaduan.

Yang jelas dari segi isu, isu nasional lebih dominan berbanding isu tempatan disebabkan banyak isu keperluan asas tempatan berjaya diselesaikan dengan baik oleh kerajaan Selangor.

Saya yakin kemenangan Sock Tao ini akan menambahkan lagi keyakinan kerjasama antara semua komponen Kerajaan Perpaduan khususnya PH dan BN untuk menghadapi sebarang cabaran atau pilihan raya pada masa hadapan, selain memperkukuhkan pentadbiran itu sendiri.